

**Parlimen: Tidak benar Malaysia tempat perlindungan penganas - Ahmad Zahid Astro Awani**  
**Oktober 19, 2015**  
**Oleh Hafiz Marzukhi dan Harits Asyraf Hasnan**

**Menurut Zahid, berdasarkan risikan yang dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Malaysia merupakan negara transit. - Gambar Fail**

**KUALA LUMPUR:** Dakwaan Malaysia digunakan penganas antarabangsa sebagai tempat perlindungan disangkal Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid (BN-Bagan Datoh) berkata kenyataan ini tidak dapat disahkan kebenarannya.

"Tahap keselamatan negara berada dalam keadaan baik dan terkawal dari ancaman anasir penganas di dalam dan luar negara," kata beliau, yang juga Menteri Dalam Negeri pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Tambah beliau, berdasarkan risikan yang dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Malaysia merupakan negara transit.

Kata Ahmad Zahid lagi, kerajaan sedar terdapat segelintir rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan elemen-elemen kumpulan militan IS.

Namun, tegas beliau pihak polis memantau operasi mereka secara berterusan.

Setakat ini, 132 orang yang terlibat dengan elemen-elemen penganas termasuk IS ditahan hasil kerjasama pihak polis dengan agensi perisikan antarabangsa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan daripada Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) mengenai tahap keselamatan negara ketika ini dan mengapa kononnya Malaysia menjadi tempat perlindungan bagi penganas antarabangsa.

**© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/parlimen-tidak-benar-malaysia-tempat-perindungan-penganas-ahmad-zahid-77017>